

18/06/1998

Pemuda pemangkin reformasi untuk rakyat

Faizal Fadzil

DALAM satu ucapan dasar Perhimpunan Agung Umno 1996, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah menegaskan bahawa Umno bukan sekadar sebuah parti politik tetapi gerakan reformasi masyarakat Melayu dan Bumiputera yang berkesan untuk mengubah martabat bangsa, daripada dijajah dan dihina kepada bangsa cemerlang.

Perdana Menteri menjelaskan kemajuan yang dicapai Malaysia bukan saja kerana dasar kerajaan tetapi perubahan budaya Melayu dan Bumiputera lain yang dibawa oleh Umno. Malah, Dr Mahathir turut memberi amaran jika Umno gagal meneruskan reformasi itu, orang Melayu bersama Bumiputera lain akan kembali dihina dan diperhambakan.

Katanya, gerakan pembaharuan itu juga tidak akan dapat dilaksanakan jika Umno tidak mempunyai pemimpin yang jujur dan ikhlas bukan saja untuk hari ini tetapi masa akan datang.

Pandangan jauh dan berwibawa itu disambut dengan begitu bersemangat oleh pemimpin Umno. Semuanya menyokong dan memuji wawasan Presiden parti yang dianggap satu titik-tolak baru dalam mewujudkan budaya Umno yang suci.

Media melaporkan janji tiga Naib Presiden yang dipilih dalam Perhimpunan Agung Umno pada tahun itu, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib (kini bercuti) untuk menunaikan amanah kepemimpinan bagi meneruskan kesinambungan, terutama melaksanakan reformasi budaya bagi mengukuhkan perjuangan parti.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) seperti Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berikrar memastikan Umno Johor akan menjadikan reformasi budaya sebagai agenda utama dalam usaha mengekal dan memantapkan perjuangannya.

"Reformasi budaya ini meliputi semua aspek termasuk cara berfikir, akhlak, kepemimpinan, perpaduan dan kesetiaan terhadap parti. Umno Johor perlu menolak segala bentuk politik wang, kerenah mengejar kuasa, mencari kekayaan melalui parti dan pemimpin yang tidak berakhlak," katanya.

Beberapa perwakilan dalam Perhimpunan Agung Umno pada tahun yang sama turut melaungkan sokongan termasuk mencadangkan supaya diwujudkan jawatankuasa khas bagi memastikan reformasi budaya dilaksanakan dengan berkesan.

Begitu juga dengan Pergerakan Pemuda Umno. Merasakan bahawa pergerakan itu sebagai satu wadah yang boleh merealisasikan gagasan reformasi budaya yang dimaksudkan Perdana Menteri itu khususnya dalam menyediakan barisan pimpinan yang jujur dan ikhlas bagi generasi akan datang, ia melahirkan satu slogan 'Pemuda Pemangkin Gerakan Reformasi' sebagai pendorong bagi membangkitkan semangat perjuangan pemuda yang baru.

Berasaskan mandat yang diserahkan kepadanya oleh Pemuda Umno, Ahmad Zahid mula menyusun barisan kepemimpinan yang dirasakan mampu membantunya melaksanakan reformasi yang ditegaskan Presiden parti. Beliau menempatkan pemimpin muda daripada pelbagai latar belakang - pemimpin pelajar yang cenderung memperjuangkan Islam sebagai cara hidup, ahli akademik dan korporat selain pemimpin yang sudah sedia tertonjol kewibawaannya di peringkat akar umbi - dalam saf kepemimpinannya bagi memastikan pergerakan itu mampu memikul beban berat yang digariskan pucuk pimpinan negara.

Pemuda semakin rancak menyemarakkan program yang memiliki pengisian agama dalam aktiviti anggotanya kerana pemuda Umno percaya hanya menerusi program seumpama itulah, mereka berupaya menyuntik keberanian jitu dalam melaksanakan reformasi.

Berbekalkan semangat untuk melaksanakan reformasi dalam Pemuda sendiri, pergerakan itu mula lantang. Ada kalanya lantang bagi membela negara apabila pemimpin negara jiran yang mengkritik kepemimpinan Malaysia, tidak kurang juga menyuarakan suara rasa hati rakyat kecil yang mungkin sukar didengari oleh pihak yang lebih besar.

Meskipun pergerakan itu sering dikritik kerana dikatakan sering melatah kerana isu kecil atau membuat kenyataan secara melulu, Pemuda Umno tetap dengan gayanya. Bersuara apabila dirasakan suara mereka diperlukan untuk membela - baik rakyat mahupun pucuk pimpinan negara.

Segala-galanya dilakukan atas nama iltizam dan kesetiaan untuk melaksanakan reformasi budaya yang dibangkitkan oleh pucuk pimpinan. Pemuda melaksanakan reformasi dalaman menerusi program pengisian fizikal dan rohani berasaskan Islam, dengan kekuatan itu mereka melaungkan suara dalam pelbagai isu meskipun adakalanya tidak disenangi pelbagai pihak lain yang terasa bingit dan perit dengan suara Pemuda.

Sedang proses reformasi berjalan lancar, seluruh dunia dikejutkan dengan kegawatan ekonomi yang melanda Asia. Malaysia tidak terkecuali dengan serangan ekonomi secara mendadak itu yang menyebabkan berbilion-bilion ringgit kekayaan rakyat dan negara lesap dengan sekelip mata.

Masyarakat mula kelam-kabut dengan terjahan kasar terhadap ekonomi Asia dan Malaysia. Pelbagai dasar yang dibuat oleh kerajaan bagi mempertahankan keupayaan dan kekuatan ekonomi negara. Malangnya, segala usaha dilihat seolah-olah tidak bermaya apabila nilai ringgit dan saham terus merudum.

Di celah-celah teriakan menyalahkan pedagang mata wang yang dipercayai melancarkan peperangan saraf terhadap negara Asia menggunakan kekuatan ekonomi, kedengaran suara nurani pemimpin yang mahu rakyat tempatan sendiri melakukan muhasabah bagi menilai semula kelemahan yang wujud.

Ketika merasmikan Konvensyen Umno Johor awal bulan ini, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjelaskan kerajaan harus mengakui hakikat wujud kelemahan dalam sistem dalamannya, sekali gus perlu melakukan perubahan sebelum terlambat dalam mengatasi krisis ekonomi sekarang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ketika desakan supaya perlu ada reformasi dalam sistem kewangan antarabangsa yang tidak adil, sistem tempatan juga harus melalui reformasi, supaya lebih adil dan menyeluruh kepada rakyat.

Katanya, bukan saja jentera kerajaan perlu diperbetulkan, malah jentera swasta dan parti perlu melalui perubahan dalam meneruskan tanggungjawab memulihkan ekonomi negara.

Pergerakan Pemuda dengan darah mudanya yang membuak-buak juga menerima maklumat mengenai banyak syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) termasuk kontraktor kelas F yang terpaksa gulung tikar akibat kegawatan.

Menerusi Kongres Pemantapan Ekonomi anjuran pergerakan itu sebanyak 17 persoalan dibangkitkan oleh segelintir daripada ratusan peserta termasuk rasa tidak puas hati dalam pembahagian kontrak kerajaan, selain melahirkan kekecewaan terhadap peluang perniagaan yang semakin sempit. Cetusan rasa yang dilahirkan oleh anggota akar umbi pemuda itu hanyalah cebisan daripada keluhan yang dibangkitkan sebelum ini.

Pergerakan itu turut menerima maklumat bagaimana sistem payung bagi pengagihan peluang perniagaan itu gagal sampai ke peringkat usahawan kecil dan sederhana seperti kontraktor Kelas F. Pemuda menganggap ada sesuatu yang tidak kena. Apakah kawan hanya bagi kawan sekali gus mengetepikan usahawan yang tidak tergolong sebagai kawan-kawan?

Justeru, Ahmad Zahid dalam ucapannya menjelaskan pergerakan Pemuda pimpinannya meminta kerajaan memperkenalkan tatacara baru pengurusan dan pengendalian ekonomi yang menolak amalan negatif termasuk nepotisme, rasuah serta penyalahgunaan kuasa.

Katanya, kerajaan perlu memastikan kegawatan ekonomi tidak harus dibebankan lagi dengan unsur yang pada akhirnya boleh menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat.

Beliau menganggap kegawatan sekarang harus digunakan sebagai kesempatan untuk membersihkan diri dan sistem daripada unsur yang boleh merosakkan ekonomi, bangsa dan negara.

"Dasar dan pendekatan yang diambil sebelum ini harus dikaji semula di samping kritikan diri sendiri dilakukan untuk mengenal pasti kelemahan serta kekuatan. Dalam soal rasuah umpamanya, kita perlu menggunakan kesempatan kegawatan ekonomi sekarang untuk membersihkan amalan keji dan tercela ini. Soal nepotisme, mengutamakan kaum kerabat dan suku-sakat serta kelompok tertentu juga perlu dihentikan.

"Inilah masanya kita melakukan pembaharuan. Sementara kita mengakui wujudnya serangan luar, faktor dalaman yang berkaitan dengan amalan tidak amanah, tidak jujur dan tidak bermoral perlu dibendung supaya tidak meruntuhkan sistem yang dibina selama ini," katanya.

Kenyataan Zahid membangkitkan kesan yang mendalam terhadap masyarakat yang memberi reaksi berbeza. Ada yang berpendapat kenyataan itu sebagai satu suara berani pemimpin pemuda yang mendedahkan kepincangan yang ada dan mendesak supaya perkara itu diperjelaskan lagi. Tidak kurang yang menganggap Zahid telah 'menepuk air di dulang lalu terpercik ke muka sendiri'.

Ramai juga yang bersikap atas pagar. Tunggu dan lihat apa yang akan diperjelaskan Zahid mengenai isu itu ketika menyampaikan ucapan dasarnya hari ini.

Mungkin tanggapan Pemuda, mereka telah berusaha untuk mencetuskan satu perubahan pemikiran dalam setiap rakyat Malaysia supaya mereka menolak amalan buruk yang berlaku dalam masyarakat - satu proses reformasi budaya yang menjadi impian pucuk pimpinan parti dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang jujur dan ikhlas dalam perjuangan negara.

Tetapi tidak kurang yang menanggapi bahawa kenyataan itu hanya membuka pekung di dada, mempunyai kepentingan peribadi dan tidak seharusnya dilafazkan oleh pejuang Umno dalam keadaan kegawatan ekonomi ketika ini.

Walau apapun tanggapan ramai, kenyataan teraju Pemuda itu jelas menyebabkan ramai pihak yang mula mahu mengetahui lebih mendalam terminologi politik dan ekonomi yang selama ini sering berada di bawah tempurung dewan universiti.

Terminologi itu kini menjadi asas bagi masyarakat secara keseluruhannya bagi mengukur sama ada mereka turut tergolong dalam sasaran yang didedahkan.

(END)